

ABSTRAK

Rozia Hanis bt. Hj. A. Rahman, **Penghayatan Ajaran Al-Qur'an Dalam Khidmat Nasihat Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur.**

Kajian ini menumpukan terhadap persoalan kekeluargaan Islam di mana ia merupakan isu yang amat penting untuk dikaji dan tidak boleh dipandang ringan. Untuk itu, topik-topik asas tentang kekeluargaan Islam telah dikupas walaupun secara ringkas tetapi agak menyeluruh dengan berpandukan al-Qur'an dan al-Hadith. Kemudiannya penulis telah memilih sebuah organisasi yang terlibat secara langsung dengan perkhidmatan kekeluargaan Islam sebagai sasaran kajian. Organisasi yang dimaksudkan ialah Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Tujuan kajian ini di antaranya adalah seperti yang berikut:-

- i) Menyediakan panduan dan idea-idea yang berguna dalam proses pembentukan institusi keluarga menurut perspektif al-Qur'an dan al-Hadith.
- ii) Mengkaji fungsi penubuhan Pusat Pembangunan Keluarga Islam dan mengenalpasti setiap perkhidmatan yang ditawarkan benar-benar menepati ajaran Islam.

Bermula dari bab pendahuluan dan diakhiri dengan penutup, hasil kajian telah membuktikan bahawa:-

- i) Islam amat mementingkan pembentukan institusi keluarga dengan menyediakan berbagai-bagai panduan di dalam al-Qur'an dan al-Hadith yang meliputi setiap peringkat pembinaan rumah tangga.
- ii) Penubuhan Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) di setiap negeri adalah merupakan satu usaha murni kerajaan dalam usaha melahirkan keluarga yang berjaya di dunia dan di akhirat.
- iii) Modul-modul yang dibentuk oleh Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) adalah menepati ajaran Islam dan amat sesuai untuk dijadikan panduan dalam membentuk sesebuah keluarga.

ABSTRACT

Rozia Hanis binti A. Rahman, Absorbing the Teaching of Al-Qur'an In Counseling Services of " Pusat Pembangunan Keluarga Islam", Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur.

This research focuses on an important issue that is Islamic family. Therefore, the author tried to discuss a fundamental issue about Islamic family briefly in the light of al-Qur'an and al-Sunnah. Then the author chose an organization that involves directly in counseling services of " Pusat Pembangunan Keluarga Islam", Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Objectives of this research are: -

- i) Preparing a helpful guidelines and ideas in order to create the family institution that based on the perspective of al-Qur'an and al-Sunnah.
- ii) To study the function of " Pusat Pembangunan Keluarga Islam" and to identify services offered are in line with Islamic teaching.

Starting from introduction to conclusion, this research proved that: -

- i) Islam is a religion that emphasizes on the development of family institution by providing guidelines in al-Qur'an and al-Sunnah.
- ii) The emergence of " Pusat Pembangunan Keluarga Islam" in every state is a positive effort from government in order to establish a stable family institution in this world and the hereafter.

- iii) Modules provided by “ Pusat Pembangunan Keluarga Islam” followed the real Islamic teaching and suitable to be a guidelines to produce a successful Islamic family.